

Usaha perangi rasuah Misi Nasional: Najib

Tadbir urus baik pastikan pembangunan negara capai matlamat

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Usaha kerajaan membanteras gejala rasuah hingga peringkat akar umbi ialah satu Misi Nasional dan mendapat sokongan padu daripada semua pihak, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha memerangi rasuah bukan hanya agenda Perdana Menteri seorang, sebaliknya mendapat sokongan padu pelbagai pihak, termasuk seluruh barisan jemaah menteri.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa serius dalam usaha memerangi gejala rasuah habis-habisan kerana tadbir urus yang baik penting dalam memastikan pembangunan negara.

"Objektif pelan pembangunan socio ekonomi negara adalah meningkatkan mutu hidup rakyat setara dengan negara maju. Kita mahu rakyat Malaysia menikmati perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pendidikan berkualiti, alam sekitar yang baik dan produk yang bernilai untuk wang.

"Malaysia perlu sistem penyampaian yang cekap dan berkesan dalam sektor awam dan swasta. Tadbir urus dan kepemimpinan beretika, penting bagi memastikan keputusan yang dibuat dengan mengambil kira kepentingan semua pihak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Seminar Integriti dan Tadbir Urus: Misi Nasional, anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM), di sini, semalam.

Seminar itu diadakan sempena ulang tahun ketiga pelancaran gagasan Pelan Integriti Nasional (PIN) oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 23 April 2004.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan integriti semua sektor termasuk sektor awam yang menarik perhatian masyarakat serta media sejak akhir-akhir ini.

Katanya, dua isu utama berkaitan dengan sektor awam Malaysia ialah mutu penyampaian sistem perkhidmatan awam dan bagaimana mengurangkan rasuah dengan berkesan.

Bagi menangani isu itu, kerajaan



PENUH MINAT: Najib melihat kandungan buku 'Good Governance for Development' sambil diperhatikan Mohd Sidek dan Setiausaha Agung Sekretariat Komanwel, Don McKinnon pada majlis pelancaran buku berkenaan di Institut Integriti Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.

menubuhkan pasukan petugas khas dikenali Pemudah untuk mencadangkan langkah menambah baik sistem dan prosedur kerja sedia ada bagi menjamin sistem penyampaian perkhidmatan lebih cekap dan bagi mengelak rasuah serta salah guna kuasa.

Pada 9 Mac lalu, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan mengeluarkan pekeliling kepada semua agensi kerajaan merangkumi garis panduan mengenai cara meningkatkan urus tadbir dalam sektor awam.

Bagi sektor swasta, Najib berkata, kerajaan menyerahkan tugas meningkatkan integriti sektor itu kepada kepada pelbagai agensi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bursa Malaysia serta Bank Negara Malaysia.

Selain itu, kerajaan melancarkan konsep Islam Hadhari yang memberi

“Malaysia perlu sistem penyampaian yang cekap dan berkesan dalam sektor awam dan swasta. Tadbir urus dan kepemimpinan beretika, penting memastikan keputusan ambil kira kepentingan semua pihak”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

tumpuan kepada pembangunan, selaras dengan rukun Islam dan mementingkan usaha meningkatkan taraf hidup.

"Rasuah adalah ancaman kepada perkembangan sihat masyarakat yang demokratik dan jika tidak ditangani, akan menjadi barah sosial yang menyubur biak pegawai korup seterusnya menjejaskan negara.

"Dengan adanya PIN, orang ramai mulai memberi perhatian kepada kes rasuah, terutama dalam sektor awam dan ia akan membantu meningkatkan integriti di Malaysia," katanya.

Najib berkata, sifat jujur dan rendah diri Perdana Menteri serta mandat politik kukuh Kabinetnya dijangka dapat membantu memastikan masa depan integriti di Malaysia akan lebih baik dan boleh dicontohi satu hari nanti.